

UM 7 APR 2661

1,200 ahli PBTM diperlukan jadi pengedar duit syiling

Oleh MOHD. HAZLI
MOHD. HASSAN

KUALA LUMPUR 6 April — Seramai 1,200 orang ahli Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) diperlukan untuk menceburkan diri dalam bidang pengedaran duit syiling pelbagai denominasi yang dikeluarkan oleh The Royal Mint of Malaysia.

Presidennya, Senator Datuk Muhammad Ghani berkata, persatuan sudah mendapat persetujuan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad untuk melantik pengedar duit syiling di kalangan ahli PBTM.

“Selain kebajikan ahli yang kita jaga, persatuan memberi peluang kepada ahli-ahli yang ingin memulakan perniagaan.

“Kami menyeru kepada ahli-ahli yang berminat mendaftar diri di cawangan masing-masing untuk ditemu duga,” katanya ketika dihubungi Utusan di sini hari ini.

Menurutnya, perniagaan

sih berpegang kepada disiplin tinggi yang mereka peroleh semasa dalam perkhidmatan dahulu.

“Dalam pada itu, kemungkinan besar kerajaan memerhatikan kami dari aspek keselamatan kerana perniagaan ini mempunyai risiko yang tinggi,” katanya.

“Pengeluaran duit syiling berkenaan akan dilakukan oleh Royal Mint, syarikat penempaan duit syiling pertama di negara ini.

Royal Mint juga akan bertanggungjawab mengendalikannya temu duga kepada ahli PBTM yang berminat menjadi pengedar.

Menurut Muhammad lagi, ahli perniagaan yang menceburi bidang ini akan menerima habuan keuntungan kira-kira RM4,000 sebulan jika ia dijalankan dengan cara yang betul dan berkesan.

“PBTM dari semasa ke semasa akan memantau perniagaan ini supaya ia dijalankan dengan prosedur yang telah ditetapkan,” katanya.

ini hanya memerlukan modal sebanyak RM2,000 dan Bank Negara Malaysia (BNM) akan mengeluarkan lesen kepada mereka yang layak sahaja.

Pengeluaran lesen oleh BNM katanya, boleh mengelakkan daripada sebarang penipuan yang tidak dijangka.

Menurut beliau, kepercayaan yang diberi oleh kerajaan kepada PBTM disebabkan ahli-ahlinya ma-